



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

JUMAAT, 16 JULAI 2021

1	Hadkan ibadah korban, patuh SOP
2	'Patuhi SOP Aidiladha ini'
3	Negeri Sembilan benar aktiviti jual daging untuk mantai Aidiladha
4	Lebih 30 tahun 'dierang' lalat
5	30 tahun 'diserang' lalat
6	Johor's mosque and surau officials to be vaccinated
7	30 tahun penduduk 'diserang' lalat

OLEH

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA



HAIWAN yang disembelih akan diproses dan dagingnya diserahkan kepada peserta korban.

Hadkan ibadah korban, patuh SOP

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS
gayautusan.mediamedia.com.my

PELAKSANAAN ibadah korban menjadi salah satu ukuruan aspek takwa seorang hamba kepada yang Maha Esa. Ini berdasarkan firman Allah dalam surah al-Maidah ayat 27 yang bermaksud: Sesungguhnya Allah hanya menerima (korban) dari orang yang bertakwa. (al-Maidah: 27)

Dalam ayat lain, Allah berfirman yang bermaksud: Daging unta dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai (keredaan) Allah, tetapi ketakwaan dari kamulah

yang dapat mencapainya. (al-Hajj: 37).

Tahun lepas apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PPK) dikuatkuasaan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) ia bukan sahaja larangan rentas negeri untuk pulang menyambut Aidilfitri. Malahan ibadah korban di masjid dan surau turut dihadkan.

Bagaimanapun, umum sedia maklum, Larangan tersebut bukan dibuat suk-suca tetapi demi mengkekang pandemik Covid-19.

Tahun lalu ibadah korban perlu dibuat di pusat penyembelihan khas yang mesti mematuhi prosedur

operasi standard (SOP) yang ketat.

Hasil pengalaman melaksanakan ibadah korban mengikut SOP, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Selangor melancarkan laman sesawang, qurbanpeladangzu.my untuk memastikan ibadah korban selaras SOP ditetapkan.

Pengerusi PPK Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbulah berkata, pemilihan ternakan dan pembayaran semuanya dilakukan di dalam talian melalui laman sesawang tersebut.

"Seterusnya proses perkhidmatan sembelihan, melapah dan membungkus

TEMPAH SEKARANG →

QURBAN INFAQ

QURBAN PELADANG

LAMAN sesawang, Qurban Peladang tempahan patuh SOP. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

akan dijalankan di rumah sembelihan pada Hari Raya Aidiladha nanti.

"SOP ibadah korban hanya boleh dilakukan di rumah sembelihan sahaja berbanding tahun sebelumnya di masjid dan surau," katanya.

Bersambung di muka 18

Dari muka 17

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui di ladang lembu milik ahli PPK, Muhammad Faiz Harol Hisham di Permatang Pasir Jugra baru-baru ini.

Abdul Razak berkata, rasional bagi pendaftaran melalui qurbanpeladongzi.my umat Islam yang masih ingin berkorban dalam era Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, masih boleh mendapatkan lembu korban tanpa perlu bersermeua dengan pihak penternak lembu.

Mengulas lanjut beliau berkata, pihaknya telah menyediakan rumah penyembelihan yang terletak di kawasan ternakan lembu ahlinya di Kampung Endah, Tanjung Sepat dan di Pulau Nyatoh, Banting.

"Aktiviti korban akan dilakukan di rumah sembelihan dan hanya peserta korban sahaja dibenarkan hadir pada hari penyembelihan selaras SOP ditetapkan.

"Daging yang disembelih akan dibawa balik oleh peserta seperti Ahli Jawatankuasa (AJK) masjid dan surau untuk proses aghsan," katanya.

Jelaskan lagi, PPK Kuala Langat telah bergiat aktif dalam mengendalikan ibadah korban bagi pasaran sekitar Kuala Langat sejak tahun 2011 bermula dengan 20 ekor pada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, masih boleh mendapatkan lembu korban tanpa perlu bersermeua dengan pihak penternak l

Pihaknya turut menyediakan rumah penyembelihan di kawasan ternakan lembu ahlinya di Kampung Endah, Tanjung Sepat dan di Pulau Nyatoh, Banting.



DR. Abdul Razak Khasbulah (dua dari kanan) melihat proses menyelenggarakan kemudahan pusat sembelihan milik penternak di Kampung Endah Kuala Langat.



Pemilihan lembu korban dan pembayaran melalui sistem dalam talian lebih selamat dan menjimatkan masa."

DR. ABDUL RAZAK KHASBULLAH



PEMILIK pusat sembelihan di Kampung Endah, Saipol Azimir mengeluarkan modal membesarkan pusat sembelihan agar patuh SOP.

Katanya, PPK Kuala Langat aktif mengendalikan ibadah korban bagi pasaran sekitar Kuala Langat bermula dengan 20 ekor pada 2011 dan telah berkembang kepada 2,000 ekor pada 2019.


Beliau menambah, semasa pandemik Covid-19 tahun lalu, tempahan hanya 1,200 ekor dan tahun ini pihaknya menyasarkan 2,000 ekor untuk pasaran dengan harga sekor RM5,000.

Sementara itu, Muhammad Faiz berkata, para penternak bersedia bukan sahaja membekal lembu tetapi menyediakan tempat menyembelih patuh SOP.

Katanya, melaksanakan ibadah korban sememangnya dituntut agama dan dia bersyukur turut terlibat dalam proses tersebut.

"Kita semua perlu akur dengan arahan pihak berkuasa bagi mengelak pandemik Covid-19.

"Pemilihan lembu korban dan pembayaran melalui sistem dalam talian lebih selamat dan menjimatkan masa," katanya.



DR. Abdul Razak (kanan) membuat tinjauan di ladang ternakan lembu ahli PPK Kuala Langat, Muhammad Faiz di Permatang Pasir Jugra baru-baru ini.

'Patuh SOP Aidiladha ini'

Rakyat Terengganu dimohon tidak adakan kenduri secara senyap-senyap

Oleh RAHAYU MUSTAFA

MARANG

Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) meminta orang ramai mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ketika melakukan ibadah korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha bagi mengelak tercetusnya kluster baharu.

Pengarah JKNT, Dr Nor Azimi Yunus berkata, beliau tidak mahu tindakan se-gelintir individu yang melanggar SOP dengan mengadakan pertemuan keluarga dan kenduri secara 'senyap-senyap' menjadi penyebab



Dr Nor Azimi (dua dari kanan) berkata sesuatu kepada penerima vaksin di Pulau Kapas, Marang pada Khamis.

peningkatan kes Covid-19 di negeri ini.

"Minggu depan Hari Raya Haji, risau juga kerana kita tahu akan ada yang melakukan rentas negeri dan daerah (dengan kelulusan). Mungkin ada yang membawa virus bersama, lebih-lebih lagi mereka yang datang dari negeri situasi Covid-19 sangat mencabar.

"Memang kita sediakan SOP lakukan korban, tetapi

kita bimbang pertemuan keluarga dan ada yang buat makan-makan secara senyap-senyap boleh sebabkan kluster baharu timbul selepas raya seperti Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini.

"Harapan kami, boleh adakan korban tetapi masih dalam ruang lingkup SOP yang ditetapkan. Kita kena jaga Terengganu apatah lagi kita sudah berjaya kawal situasi Covid-19 dengan baik

MENDEPANI KRISIS COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

sebelum ini, itu semua tugas kita bersama," katanya.

Beliau berkata demikian selepas hadir ke Jelajah Suntikan Vaksin Covid-19 di Pulau Siri Pertama di Pulau Kapas pada Khamis.

Dr Nor Azimi berkata, kes jangkitan Covid-19 di Terengganu dijangka meningkat dalam tempoh beberapa hari akan datang kerana saringan besar-besaran.

Menurut beliau, kluster baharu serentak melibatkan Marang, Dungun, Setiu, Hulu Terengganu dan Besut menyebabkan Terengganu melaporkan tiga digit kes Covid-19 dalam tempoh dua hari berturut-turut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.7.2021	SINAR HARIAN	NEGERI	28

Negeri Sembilan benar aktiviti jual daging untuk mantai Aidiladha

SEREMBAN - Kerajaan Negeri Sembilan membenarkan aktiviti menjual daging untuk mantai iaitu tradisi melapah daging sempena Aidiladha.

Pengarah Keselamatan Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Sembilan, Roslin Hisham Abd Hamid berkata, kebenaran hanya diberi kepada penjualan daging sudah siap dipotong dan dilapah.

Tegas beliau, aktiviti berkumpulan secara beramai-ramai atau menjalankan ibadah korban di Negeri Sembilan masih tidak dibenarkan berikutan keputusan kerajaan negeri untuk menangguhkan ibadah korban pada tahun ini.

“Tiada masalah kalau setakat menjual daging sudah siap dilapah termasuk membuat jualan di tepi jalan. Aktiviti menyembelih, memotong, melapah dengan melibatkan orang ramai tanpa kawalan serta tiada penjaraikan sosial atau sebagainya sama sekali tidak dibenarkan.

“Aktiviti sembelihan dilakukan di rumah sembelihan berdaftar yang diuruskan oleh Jabatan Veterinar. Kalau untuk penjualan daging tiada halangan kerana ia sama seperti peniaga serta penjaja yang dibenarkan bermiaga di bawah kuasa, lesen dan permit PBT (Pihak Berkuasa Tempatan),” katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Lebih 30 tahun ‘diserang’ lalat

Kira-kira 1,000 penduduk Ayer Tawar gesa masalah lalat yang dihadapi mereka diatasi segera

Oleh NOORAINON MOHAMED YUSOF

BERIJAS

Lebih 1,000 penduduk di empat penempatan di Ayer Tawar di sini mendesak pihak berkaitan segera membantu menyelesaikan masalah lalat yang sudah mengganggu kehidupan mereka sejak lebih 30 tahun lalu.

Masalah itu didakwa berpunca daripada perusahaan ternakan ayam yang terletak kira-kira 500 meter dari kawasan penduduk dari Taman Iswara, Kampung Batu 19, Taman Ilham dan Ladang Bilhan di sini.

Penduduk, S Hakesh Kumar, 25, berkata, dia sekeluarga sudah tidak tahan dengan masalah gangguan lalat berikutan rumahnya antara yang paling hampir dengan ladang ayam berkenaan.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan ibunya, R Devika, 50, yang menghidap leukemia bertambah teruk.

“Gangguan lalat berlaku siang dan malam. Pintu dan tingkap rumah sentiasa ditutup.

“Ibu memerlukan penjagaan rapi, makanan yang dimasuki lalat terus dibuang demi kesihatan ibu. Kebanyakan makanan akan membuat kerana kotor dihantui lalat,” katanya ketika ditemui di sini pada Khamis.

Menurutnya, aktiviti perternakan dengan membawa keluar ayam dan nagi menyebabkan laluan berhampiran rumahnya dan persekitaran kawasan penduduk berbau busuk.

“Setiap minggu lebih tiga atau empat kali akan keluar masuk membawa ayam-ayam dan



Kamaran menunjukkan pelekat yang dipenuhi lalat yang menyebabkan mereka sekeluarga rimas menjalani kehidupan setarian.

sisa majis dan air kotoran dari kenderaan itu memenuhi laluan rumah kami.

“Sudahlah banyak lalat ditambah dengan bau busuk. Kami sudah tidak tahan sudah seperti tinggal dalam ladang ayam pulak. Keadaan ini menyebabkan penduduk berasa rimas,” katanya.

K Kamaran, 41, pula berkata,

mereka sudah tidak tahan ‘diserang’ lalat selain perlu senifasa berkurban dalam rumah.

Katanya, masalah berkenaan sudah diajukan kepada pelbagai pihak sejak beberapa tahun lalu, namun tiada tindakan diambil.

“Pelbagai usaha dilakukan dengan membeli pelekat lalat dan sebagainya tetapi masalah ini

berlarut tanpa ada kesudahan kerana pengusaha terhabit menjalankan ternakan secara terbuka dan bukannya secara moden.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak, Dr Ahmad Shafri Hassan memaklumkan lokasi berkenaan kini di bawah pemantauan dan siasatan pihaknya selepas menerima aduan tersebut.

“Terdapat dua pengusaha ternakan ayam berlesen di kawasan itu. Kedua-dua reban ketika ini sudah kosong dan mereka diarahkan untuk tidak membawa masuk anak ayam baharu susulan aduan yang diterima.

“Kita akan keluarkan notis untuk menggantung sementara operasi ternakan itu untuk kita melihat semua aspek,” katanya.

Jelasnya, lesen perternakan boleh dibatalkan sekiranya pengusaha gagal mematuhi arahan serta melakukan penambahbaikan bagi menangani masalah itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.7.2021	HARIAN METRO	LOKAL	18

30 tahun 'diserang' lalat

Manjung: Sejak kira-kira 30 tahun lalu lebih 1,000 penduduk di empat kawasan di Ayer Tawar di sini, mendakwa hidup dalam keadaan tidak selesa akibat gangguan lalat.

Masalah lalat itu diperenciaya berpencah daripada perternakan ayam secara terbuka yang didakwa dijalankan berhampiran dengan pemtempatan penduduk di Taman Iswara, Kampung Batu 19, Taman Ilham dan Ladang Bilang.

Penduduk Taman Iswara, K Kumaran, 41, berkata, kehadiran lalat semakin bertambah terutama pada waktu puncak ketika ayam dan naja terbakar itu dibawa keluar daripada rebau ayam.

"Saya percaya masalah ini disebabkan ternakan ayam kira-kira 500 meter dari rumah dan kami terpaksa berhadapan dengan 'serangan' lalat serta ban naja ayam. Malah, basuk lebih kuat ketika hujan."

"Mahu memasak selain makan pun jadi tak selesa, malah anak yang sedang mengikuti kelas Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) juga tidak selesa," ka-



MASALAH lalat diperenciaya berpencah daripada kegiatan perternakan ayam tidak jauh dari pemtempatan penduduk.

aduan kepada wakil rakyat, Jabatan Veterinar dan Majlis Perbandaran Manjung (MPM), bahkan berjuma pengusaha minta supaya meniaga kebersihan, tetapi ia tetap tidak selesa juga.

Penduduk Kampung Batu 19, S Hakeshumar, 25, berkata, masalah itu juga dikuatirinya menjelaskan kesihatan penduduk terutama warga emas.

Katanya, jarak antara rumahnya dengan reban berkenaan terlalu dekat iaitu kira-kira 50 meter dan mendakwa lori ayam akan kehbar masuk tiga kali seminggu.

"Kami sudah membuat



KUMARAN menunjukkan pelekar yang dipenuhi lalat.

dahakan ke inkasi juah daripada penduduk," katanya yang juga anak jati kawasan berkenaan.

Penduduk Kampung Batu 19, S Hakeshumar, 25, berkata, masalah itu juga dikuatirinya menjelaskan kesihatan penduduk terutama warga emas.

"Apabila memasak, memang air naja akan jatuh mencemari lajuhan selain berbau busuk. Pintu dan tingkap rumah kami memang selalu ditutup," katanya yang turut berharap masalah itu segera ditangani.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak Dr Ahmad Shafri Hassan berkata, ada dua pengusaha ternakan ayam di kawasan berkenaan yang mempunyai lesen dan memang dalam pemantauan serta siasatan pihaknya.

Menurut beliau, kedua-dua rebau ketika ini sudah kosong dan diarahkan untuk tidak membawa masuk anak ayam baru susulan aduan diterima.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.7.2021	THE STAR	NATION	5

Johor's mosque and surau officials to be vaccinated

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: All imam, bilal and committee members of mosques and surau in Johor will be vaccinated before Hari Raya Aidiladha next week.

Johor Islamic religious affairs committee chairman Tosrin Jarvanthi said the state government wanted to prevent new Covid-19 clusters.

Hari Raya Aidiladha this year

falls on Tuesday.

"They will be given the vaccine immediately. This is to ensure there will not be any religious clusters as well as to strengthen the standard operating procedure at mosques and surau in Johor."

"All district kadi offices have been directed to immediately send the lists of the officials who have not received any vaccination to the respective district health offices," he said yesterday.

Tosrin also reminded slaughter-

houses that had been given the approval to carry out the korban (sacrificial rites) to keep their premises clean and strictly follow the SOP.

He said during spot checks with the Department of Veterinary Services at 15 slaughterhouses, some were found to be not following the SOP for korban, including providing a blood reservoir pool, wastewater, and not keeping the area clean.

"Even though these slaughter-

houses are only temporary, the owners should not take the SOP lightly."

"They have been warned."

"We do not want a cluster emerging from these slaughterhouses and the government will not hesitate to cancel their licence and permit if they are found to have violated the SOP," he said, adding that a certificate from the Johor Islamic Religious Department must be obtained to carry out korban.



Kunjun menunjukkan pelikat diperahi lait yang datang dari reban ayam berhampiran rumah penduduk.

(Foto: Naze Hidayah Tawizi)

30 tahun penduduk 'diserang' lalat

Lebih 1,000 penghuni di Ayer Tawar mangsa ternakan ayam secara terbuka

oleh: Naze Hidayah Tawizi
naze.wsi@msm.my

Majung: Lebih 1,000 penduduk di Ayer Tawar, di sini, hidup tidak selesa kerana gangguan lait sehingga menyekarkan mereka menjalani kegiatan harian, sejak lebih 30 tahun lalu.

Masalah serangan ini diperluaskan berpuncak daripada perternakan ayam secara terbuka begantung hampiran Taman Iswara, Kompleks Batu 18, Taman Islam dan Ladang Bilhan.

Penduduk Taman Iswara, K.Kamaran, 41, berkata, lait semakin bertambah terutama ketika ayam dan najis harwan itu dibawa ke lantai dan rebah.

"Masalah ini disebabkan ternakan ayam kira-kira 300 meter dari rumah. Kami terpaksa berhadapan dengan 'serangan' lait dan najis ayam. Ben boleh lemah kuat apabila hijau."

"Mahu memasak, makan dan tidak siang pun judi tak selesa. Anak yang sedang mengikuti kelas pengajar dan pembelajaran di rumah (PDPR) juga rasa tidak selesa. Dulu, kami juga mahu masu menghindarkan makanan kepada tetamu," katanya semula.

Kumaran berkata, pelbagai usaha dilakukan bagi menghalau masalah itu, namun tiada jalan



Makon juga tak terlepas daripada serangan lait.

penyelesaian dan masihkan bua serta gangguan lait berterusan.

"Kami juga membuat aduan kepada wakil rakyat, Jabatan Veterinar dan Majlis Perbandaran Majung (MPM).

"Penduduk juga berjampa pengusaha meminta supaya mereka bersifat terbuka tetapi masih setap tak selera."

"Kami berharap pihak berkaitan bertindak tegas dan menutup reban berkenaan atau pindah ke tempat lain yang jauh dari penduduk," katanya.

Penduduk Kompleks Batu 18, S.Hakeemkumar, 35, berkata, masihlah itu juga dikuarantin menjelaskan kesihatan penduduk terutama warga emas.

"Katanya, jarak antara rumahnya dengan reban itu kira-kira 60 meter dan lorci ayam keluar masuk, tiga kali semining."

"Apabila memasak, lait menghurst dan boleh mencemaskan makanan serta boleh menjadikan kesihatan. Apalagi dia saya kurang sihat dan menghidap leukimia."

"Apabila lorci ayam masuk, sirna juga jatuh memecari jalan dan

berbaris busuk. Pihak dan tingkap rumah kami memang selalu ditutup," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak, Dr Ahmad Shafri Hassan, berkata terdapat dua pengosah ternakan ayam di kawasan berkenaan yang mempunyai lobang dalam pemantauan pihaknya.

"Beliau berkata, kedua-dua reban sudah kosong dan diarahkan untuk tidak membiarkan anak ayam bubar, susulan situasi diterima."

"Kita akan mengeluarkan nota untuk menggantung sementara operasi mereka tempoh se-dekat dan kita akan melihat semua aspek yang mencetuskan kawasan gangu lait serta perkara yang perlu dihadapi penternak."

"Apabila sudah ada tindakan penambahan yang kita berpuas hati, mereka boleh beroperasi semula."

"Kita akan membatalkan lesen jika pengusaha gagal mematuhi arahan dan mesyuarat baik pengurusan untuk memangani usah salah," katanya.